

10/05/2001

IPTA: Tambah kuota pelajar Bumiputera (HL)

Mohd Fuad Razali; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Beberapa pihak hari ini mahu kerajaan mengkaji semula kuota kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) supaya lebih mencerminkan keadaan sebenar komposisi kaum di negara ini.

Mereka berpendapat, kuota 55 peratus untuk Bumiputera dan 45 peratus bagi bukan Bumiputera sekarang dibuat berdasarkan nisbah kaum ketika Dasar Ekonomi Baru digubal, lebih 30 tahun dulu.

Oleh itu, kata mereka, berdasarkan bancian penduduk tahun lalu, kuota kemasukan Bumiputera ke IPTA sepatutnya ditingkatkan kepada 66 peratus dan bukan Bumiputera 34 peratus seperti sekarang.

Tokoh pendidik dan pengasas Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Zainal Abidin Wahid, berkata kerajaan perlu menaikkan jumlah nisbah kemasukan pelajar sedia ada dengan mengambil kira perbezaan jumlah Bumiputera dan bukan Bumiputera berdasarkan maklumat bancian tahun 2000.

"Kerajaan perlu meneruskan sistem kuota tetapi mengikut bancian kaum berdasarkan nisbah penduduk di negara ini," katanya mengulas laporan beberapa akhbar berbahasa Inggeris dan Cina berhubung isu kemasukan pelajar ke IPTA.

Mengikut bancian penduduk tahun lalu, daripada 23.27 juta penduduk Malaysia, 14.56 juta atau 66.1 peratus adalah Bumiputera, Cina 5.58 juta (25.3 peratus) dan India 1.63 juta (7.4 peratus).

Kuota kemasukan ke IPTA sekarang ialah 55 peratus Bumiputera, 35 peratus Cina dan 10 peratus India.

Laporan akhbar itu sebelum ini menggambarkan sejumlah 7,168 tempat untuk pelajar Bumiputera di IPTA tidak dapat diisi.

Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Dr Hassan Said semalam menjelaskan, laporan itu tidak benar kerana bilangan calon Bumiputera berkelayakan bagi program ijazah pertama di IPTA sudah memenuhi kuota.

Malah, 11,376 pelajar Bumiputera lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau setara, gagal melanjutkan pelajaran peringkat ijazah pertama di IPTA tahun ini, walaupun memenuhi syarat minimum.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, memberitahu Dewan Rakyat hari ini, isu itu timbul daripada kekeliruan akhbar yang tersalah anggap perbezaan antara sasaran pengambilan pelajar dengan pengambilan melalui Mesyuarat Pemilihan Bersama IPTA.

Zainal Abidin berkata, isu kuota kemasukan pelajar bukan Bumiputera ke IPTA itu bertambah rumit apabila pemimpin Umno sendiri mengeluarkan kenyataan tanpa mendapat maklumat terperinci daripada Kementerian Pendidikan.

"Keadaan anak-anak Melayu sendiri belum tentu lagi masa depannya, tiba-tiba ada di kalangan kita memandai-mandai memberi kenyataan kononnya kuota Bumiputera yang belum diisi boleh diberi pada orang lain.

"Ini bukan kenyataan yang boleh dibuat tanpa kajian dan difikirkan kesannya dalam jangka panjang. Kita tidak perlukan kenyataan sedangkal ini dalam menentukan masa depan anak-anak kita," katanya.

Beliau berpendapat, masalah kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA semakin ketara selepas pengubalan Akta Pendidikan 1996 dan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 1996.

Katanya, Fasal 17 dalam Akta Pendidikan 1996 dan Fasal 41 dalam Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 menyebabkan bahasa Melayu dipinggirkan daripada sistem pendidikan negara.

"Pengubalan kedua-dua akta itu juga menyebabkan hanya 15 peratus

Bumiputera belajar di IPTS, sementara 85 peratus lagi dikuasai bangsa lain.

"Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menjadi Menteri Pelajaran pernah berkata, jika lima universiti awam di negara ini mengambil pelajar Bumiputera 100 peratus pun, jumlah yang ada masih tidak seimbang dengan bukan Bumiputera," katanya.

Ketua Penerangan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Jaafar Rahim, pula berkata, penambahan kuota pelajar Bumiputera bukan saja lebih adil, malah dapat menyedarkan pihak tertentu supaya tidak membuat tuntutan melampau.

"Tidak mungkin boleh berlaku kaum dengan jumlah komposisi yang kecil mendapat kuota lebih banyak. Kerajaan patut mengkaji semula kuota berkenaan dan menetakannya mengikut komposisi kaum sekarang," katanya.

Jaafar kesal dengan laporan akhbar tertentu, yang sepatutnya membuat kajian terperinci sebelum membuat sebarang kesimpulan bagi mengelak salah faham yang boleh mencetuskan ketegangan kaum.

"Jika tidak dapat masuk yang menjadi isu, calon Bumiputera juga ramai yang tidak dapat masuk. Janganlah kegagalan berbuat demikian dijadikan alasan mendakwa wujud diskriminasi.

"GPMS yakin proses pemilihan yang dibuat menerusi mesyuarat jawatankuasa bersama IPTA adalah adil dan tidak wujud sebarang diskriminasi. Malah, pemohon yang tidak terpilih diberi peluang pula untuk mengemukakan rayuan," katanya.

Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia mahu semua pihak akur dengan sistem kuota kerana ia selari dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Setiausaha Agungnya, Abdullah Abdul Karim menyifatkan pihak yang membangkitkan isu itu seolah-olah tidak sedar dengan jumlah sebenar pelajar di semua institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

"Menurut perangkaan 2000, jumlah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) sudah mencecah 600 dengan 200,000 pelajar. Cuma 15 peratus pelajar Melayu. Bagaimanapun daripada 150,000 pelajar di IPTA, 45 peratus bukan Melayu.

"Ini bermakna jumlah pelajar bukan Bumiputera di pusat pengajian tinggi lebih tinggi daripada pelajar Bumiputera," katanya.

(END)